

BAB KEDUA

BAB KEDUA

PERKEMBANGAN *MĀRISTĀN* DALAM TAMADUN ISLAM

2.0 PENGENALAN

Perkembangan Empayar Islam dari Asia Barat ke benua Eropah dan bertapak kuat di negara Sepanyol antara tahun 900 hingga 1300 Masihi juga hingga ke negara Rusia dan ke timur di sebahagian negara China turut mempengaruhi perkembangan ilmu perubatan . Dalam zaman kegemilangan tersebut, muncullah para cendekiawan termasyhur dalam bidang ilmu perubatan Islam seperti al-Rāzī (251-313 H / 841-926 M), Al-Zahrāwī (319 -404H / 931-1013 M), Ibn Sīna (370-428 H / 890 -1037 M), Ibn Rushd (520 -594 H / 1126-1198 M) dan Ibn al-Nafis (605-687 H / 1208-1288 M).³³

Sebelum itu terdapat sumber-sumber yang menyebut bahawa ilmu perubatan merupakan ilmu sains pertama yang diterokai oleh umat Islam. Al-Harith Ibn Kelādah (meninggal 634 M)³⁴ disebut sebagai orang Islam dan bangsa Arab pertama dari Semenanjung Arab yang telah pergi ke Parsi untuk mempelajari ilmu perubatan di Jundisabur (Jundishapur) di mana di situ terdapatnya *māristān* atau *bīmāristān* (hospital) yang terkenal ketika itu. Sekembalinya al-Harith, beliau telah mempraktikkan ilmu perubatan yang dipelajarinya di kalangan orang-orang Arab.³⁵

³³ *The Concise Encyclopedia of Islam* (1989), London : Stacey International , h.266.

³⁴ Beliau sempat mengamalkan ilmu perubatannya di zaman Rasulullah S.A.W. dan pernah diminta oleh Rasulullah S.A.W. sendiri untuk merawat sahabat yang sakit (lihat *Hospitals and medical Schools in the Dark and Middle Ages*, <http://cyberistan.org/islamic/sibai10.html>)

³⁵ Prof. Maher Abd Al-Kader M.Ali, Islamic Medical School, <http://www.universities/html>, 11 Januari 2001.

Di samping ilmu dan kemahiran kedoktoran, umat Islam di era kegemilangan ilmu ini juga mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang keagamaan (ilmu akidah dan syariat), astronomi, fizik, matematik dan lain-lain. Mereka telah mengamalkan ilmu kedoktoran secara saintifik berdasarkan ilmu pengetahuan tentang perubatan pada ketika itu. Mereka juga telah menemui banyak jenis ubat-ubatan daripada pelbagai sumber. Kaedah-kaedah rawatan termasuk pembedahan telah digunakan dan disebarluas khususnya oleh al-Zahrāwī.

Pengasas-pengasas perubatan Islam di zaman tersebut telah banyak menjalankan penyelidikan dan menulis berjilid-jilid buku teks kedoktoran yang telah diterjemahkan kepada berbagai bahasa Eropah. Malah banyak daripada buku-buku tersebut telah digunakan oleh kolej-kolej perubatan di Eropah.³⁶ Faktor perkembangan ilmu ini juga akhirnya telah menjadi pendorong kepada penubuhan institusi-institusi perubatan dalam tamadun Islam.

Istilah *māristān* atau *bīmāristān* diguna pakai untuk menggambarkan hospital atau pusat rawatan. Menurut sejarah istilah ini berasal dari Parsi dan ia memperlihatkan bahawa perkembangan Islam ke Parsi di samping memperkembangkan ajaran Allah S.W.T ke negara tersebut, juga turut memberi peluang kepada umat Islam untuk memanfaatkan tamadun yang telah dibina oleh umat-umat lain sebelumnya.

³⁶ Hamid Arshad (1999), Konsep Perubatan Islam : Falsafah dan Amalan –II , dalam Abu Bakar Yang dan Abu Bakar Abd. Majeed (ed). *Konsep & Operasi Perubatan Islam*. Kuala Lumpur : IKIM , h.62.

Māristān atau *bīmāristān* ini kemudiannya amat terkenal di zaman Pemerintahan Kerajaan ^cAbbasiyyah dan ia tumbuh bagai cendawan di seluruh negara Islam ketika itu sejajar dengan pertumbuhan dan perkembangan universiti. Universiti-universiti dijadikan tempat pengajaran bagi tabib atau doktor yang akan berkhidmat di *māristān* yang biasanya dibina berdekatan atau di dalam satu bangunan dengan universiti atau pusat-pusat pengajian ini. Antara universiti yang terkenal di negara-negara Islam di abad itu ialah Universiti Nishapur, Universiti Damascus, Universiti Cairo, Universiti Alexandria dan juga Universiti Salerno atau dikenali sebagai Sekolah Tinggi Kedoktoran yang terletak di Salerno di Itali yang sebelumnya di bawah kekuasaan Kerajaan Byzantine.³⁷

Orang-orang Islam telah menjadi mahir di dalam profesion perubatan dan ramai dari kalangan mereka telah menjadi para tabib atau doktor yang cekap. Mereka mahir di dalam membuat diagnosa. Mereka menjadikan pengalaman-pengalaman mereka dalam merawat pesakit dan nota-nota serta data-data yang dikumpul sebagai panduan bagi memahirkan diri dalam profesion berkenaan.

Di zaman Rasulullah S.A.W atau di zaman awal perkembangan Islam, perkataan *māristān* tidak pernah ditemui, namun konsepnya telah wujud dalam kehidupan masyarakat Islam. Rasulullah S.A.W. dan para sahabat mendirikan khemah-khemah di perkaranan masjid untuk dijadikan tempat rawatan bagi tentera -tentera yang tercedera di dalam peperangan. Para doktor atau tabib dan jururawat ditempatkan di situ untuk memberikan perkhidmatan.

³⁷Omar Amin Hoesin (1981) . *Kultur Islam*, Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang , h.19

Khalifah al-Walīd Ibnu Abd al-Mālik (86-96 H / 786-809 M), khalifah di zaman Umayyah merupakan pelopor pertama mendirikan *māristān* di Damsyik pada tahun 88 H (707M). Beliau menyarankan supaya pesakit kusta diasingkan dan memberi persetujuan supaya mereka diberi pembiayaan dan perkhidmatan perubatan yang khas serta berasingan.³⁸

Māristānāt (hospital-hospital) lain didirikan di kota-kota besar seperti Baghdād, Madinah, Mekah, Cairo dan Rayy³⁹ (di Parsi⁴⁰). Pertumbuhan *māristān* sebenarnya telah berlaku di merata-rata tempat setelah pemerintahan Islam berjalan selama enam abad selepas Hijrah. Klinik-klinik dan hospital bergerak juga telah ditubuhkan. Misalnya semasa Sultān Mahmūd Seljuk (485 H / 1092 M) memerintah ada sebuah hospital bergerak yang terdiri dari empat puluh unta dan mengiringi ke mana sahaja pasukan askar bergerak.⁴¹

Māristānāt (hospital-hospital) yang telah didirikan oleh para khalifah Islam ini telah dibahagikan mengikut wad-wad tertentu seperti surgeri, oftamologi, ortopedik dan perubatan umum serta dilengkapkan pula dengan dispensari dan dapur khas untuk penyediaan makanan pesakit.⁴²

Māristān juga telah memainkan peranan sebagai hospital pengajaran bagi penuntut-penuntut yang mengikuti pengajian perubatan dengan para sarjana Islam yang terkenal. Para cendikiawan di zaman Ḩabbasiyyah telah

³⁸ Al-Surtī, *op.cit.* h. 59.

³⁹ Kini Tehran.

⁴⁰ Kini Iran.

⁴¹ Hassan Kamal (1975), *Encyclopaedia of Islamic Medicine* ,Cairo:General Egyptian Book Organisation, h.311.

⁴² Ismail Saad et al. (1992), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan* , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 81.

menganjurkan konvensyen-konvensyen perubatan untuk pertemuan dan perbincangan para tabib dari seluruh negara Islam. Dalam konvensyen tersebut mereka mengemukakan hasil-hasil kajian dan penyelidikan masing-masing. Ketika itu Kota Baghdād di timur dan Qurtubah (Cordova)⁴³ di barat merupakan pusat-pusat pendidikan perubatan yang terpenting.⁴⁴

Kenyataan-kenyataan di atas telah menunjukkan bahawa orang Islam telah memainkan peranan penting sebagai perintis dalam pembentukan corak atau susunan sistem hospital moden yang ada pada hari ini.⁴⁵ Adalah juga menjadi suatu kenyataan bahawa di antara peranan terpenting yang dimainkan oleh tamadun Islam dalam bidang sains ialah usaha mengumpul, mengemaskan, menyelaraskan dan terus mengembangkan idea pengetahuan yang terdapat dalam tamadun sebelumnya. Seterusnya disematkan pula beberapa sumbangan yang tulen.

Usaha-usaha ini amat besar peranannya dalam bidang perubatan dan seterusnya dalam perkembangan institusi perubatan dalam tamadun Islam. Jika di zaman kegemilangan Islam terdapat usaha-usaha yang giat dalam menterjemahkan karya-karya sains ke dalam bahasa Arab, maka dalam zaman kejehrahanan era Islam pula usaha ini berlaku semula bilamana karya-karya sains Islam diterjemahkan pula ke bahasa Latin dan bahasa-bahasa Eropah. Dalam

⁴³, Hassan Ibrahim Hassan(1988), *Sejarah Islam-Menyentuh Bidang-bidang Politik, Agama, Kebudayaan dan Kemasyarakatan* (terjemahan Ismail bin Mohd Hassan), (siri ketujuh), Terengganu : Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, h.219

⁴³ Ismail Saad , *op.cit.*, h. 81.

perkembangan ini sebenarnya umat Islam telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada era Renaissance di Eropah.

Dalam bidang perubatan, tamadun Islam telah memperkenalkan sistem yang berkesan sekali sehingga ciri-cirinya hidup dalam bentuk sistem pendidikan dan pembelajaran ilmiah perubatan moden. Walaupun institusi klinik dan hospital pengajaran yang menjalankan perkhidmatan rawatan dan pendidikan perubatan, merupakan suatu ciptaan peradaban pihak agama Kristian lama, institusi-institusi tersebut telah mencapai tahapnya yang sempurna dalam kandungan tamadun Islam pada zaman sebelum wujudnya era Renaissance.⁴⁶

2.1 KONSEP *MĀRISTĀN*

2.1.1 Definisi *Māristān*

Perkataan *māristān* atau *bīmāristān* yang bererti *tempat untuk orang sakit* merupakan istilah dari bahasa Parsi, iaitu *bimār* bererti sakit dan *istān* bererti tempat.⁴⁷ Hospital dalam bahasa Latin ertinya rumah sakit atau mensa hospital.⁴⁸ Didalam *The Concise Encyclopaedia of Islam* pengertian *māristān* disebut sebagai;

“ A traditional infirmary, usually for the insane”.⁴⁹

⁴⁶ *Ibid*, h.. 107.

⁴⁷ H.A.R. Gibb et al (1979), *The Encyclopaedia of Islam, New Edition*, v.1, A-B, Leiden: E.J.Brill, h. 1222.

⁴⁸ Dr.Omar Amin Hoesin (1981) , *Kultur Islam* , Jakarta : Bulan Bintang , h.119.

⁴⁹ H.A.R. Gibb et al (1979), *op.cit.*, h. 259.

Orang-orang Arab di zaman kegemilangan tamadun Islam mengambil bentuk dan konsep *māristān* yang terdapat di Parsi diikuti oleh orang-orang Turki.⁵⁰ *Māristān* selalunya disambungkan dengan masjid. Di zaman Mesir moden, istilah ini dirujuk kepada hospital Sakit Jiwa.⁵¹ Istilah *māristānāt* kemudiannya digunakan oleh orang-orang Arab dengan pengertian hospital-hospital (kata *jama'* dalam bahasa Arab).⁵²

Istilah ini mula ditemui dalam kerajaan Islam di zaman Kerajaan Umayyah. Orang-orang Islam telah menggunakan konsep *māristān* dari bangsa Suryān pada zaman pemerintahan 'Abbasiyyah di eranya yang pertama memandangkan keistimewaan mereka di bidang perubatan.⁵³ Pengurus *māristān* jika berasal dari Suryani digelar السعور (al-Sa'ūr) yang bererti "pemeriksa para pesakit". Sekiranya seorang Muslim dipanggil رئيس الأطباء (*Rais al-Atibbā'*) yang bererti "ketua para tabib".⁵⁴ Pengurus ini yang juga merupakan seorang ahli perubatan akan bertanggungjawab menyelia doktor-doktor atau pegawai-pegawai perubatan lain.

Di antara *māristān* yang terkenal ialah *māristān al-'Atīq* yang dibina oleh Ahmad Ibn Tūlūn pada tahun 259H (872M) di Fustat, Qaherah (Mesir), *māristān al-Muqtadirī* yang diasaskan oleh al-Muqtadir Billāh dalam tahun 306H (918M) setelah mendapat nasihat untuk penubuhannya dari Sinan Ibn Thābit, *Māristān al-'Adūdī* yang diasaskan oleh 'Adduddaulah Ibn Buwāih pada tahun 372H (982M), *bīmāristān al-Naṣiri* atau *al-Salāḥī* yang dibuka atas arahan Ṣalāhuddīn

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Maristan, <http://interoz.com/Egypt/Maristan.htm>, 3 November 2003.

⁵³ Hassan Ibrahim Hassan(1988), *op.cit.*

⁵⁴ *Ibid.*

al-Ayūbī juga di Fustāt, pada tahun 577H (1171M) dan *māristān al-Manṣūri* yang diasaskan oleh *al-Manṣūr* Ibn Qulawūn juga di Qaherah pada tahun 675H (1276M).⁵⁵

Sekarang tidak dapat ditunjukkan dengan jelas, bagaimana bentuk *māristān* atau hospital ketika itu. Sungguhpun begitu para pengkaji sejarah berpendapat, *māristān* tersebut adalah sama bentuknya dengan hospital yang terdapat di Sekolah Tinggi Perubatan di Jundishapur.⁵⁶ Jundishapur adalah sebuah bandar di negara Parsi atau kini Iran. Kedudukannya adalah berhampiran dengan bandar Ahvaz⁵⁷ di Iran hari ini.⁵⁸ Sekolah Tinggi Jundishapur telah diasaskan oleh orang-orang Kristian Nestorian di Parsi di bawah pemerintahan Dinasti Sassanid pada abad ketiga.⁵⁹

Walaupun *māristān* yang diusahakan oleh orang-orang Kristian di Barat mungkin ada yang wujud terlebih dahulu dari *māristān* yang diasaskan oleh orang-orang Islam, fakta sejarah telah menunjukkan bahawa institusi-institusi ini telah berkembang maju setelah dibangunkan oleh orang-orang Islam.⁶⁰

⁵⁵ Ahmad Taha, h. 47.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Ahvaz terletak di barat daya bandaraya Tehran. Mempunyai penduduk lebih 100,000 orang.

⁵⁸ H.A.R. Gibb, *op.cit.*

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Op. cit.*, h.440.

2.2 PERKEMBANGAN MĀRISTĀN DALAM TAMADUN ISLAM

2.2.1 Zaman Rasulullah S.A.W.

Islam sebagai sistem hidup yang lengkap dan sempurna sejak dari zaman Rasulullah S.A.W. telah memperkenalkan berbagai pembaharuan dan kemudahan kepada kehidupan manusia. Al- Quran yang diwahyukan oleh Allah S.W.T. kepada baginda mengandungi berbagai pengetahuan untuk panduan hidup manusia di dalam berbagai aspek kehidupan.

Ilmu perubatan merupakan ilmu sains pertama yang diterokai oleh orang-orang Islam sejak di zaman Rasulullah S.A.W.⁶¹ Baginda Rasulullah S.A.W memperkenalkan berbagai kaedah perubatan. Misalnya kaedah:

(i) “Pencegahan lebih baik daripada pengubatan” Sebagaimana firman Allah S.W.T:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّا مَا فِي الْأَرْضِ حَلَالٌ طَبِيعًا وَ لَا تَتَّبِعُوا خَطُواتَ الشَّيْطَانِ *⁶²

Maksudnya: Wahai manusia ! makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan...

(ii) Penggunaan air sebagai penawar serta ubat yang mujarab dan paling selamat. Seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Anfāl:

⁶¹ Prof. Maher Abd al-Kader, Arab Medical Schools, <http://www.alchemywebsite.com/islam06.html>, 11.Jun 2002

⁶² Al-Quran, surah al-Baqarah 1: 168.

...وينزل عليكم من السماء ماء ليطهركم به ويهذب عنكم رجز الشيطان وليربط على قلوبكم ويثبت به الأقدام.*⁶³

Maksudnyadan Dia (Allah) menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan syaitan. Dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan pendirian .

(iii) Penggunaan bahan-bahan semulajadi sebagai ubat-ubatan. Berdasarkan firman Allah S.W.T.:

ثُمَّ كُلُّ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْكُنِي سَبِيلَ رِبِّكَ ذَلِلاً. يَخْرُجُ مِنْ بَطْوَنِهِ شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شَفَاءٌ لِلنَّاسِ. إِنَّ فِي ذَلِكَ لِآيَةً لِقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ*

Maksudnya:"Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang kamu sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu"⁶⁵.Akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berbagai warnanya yang menjadi penawar bagi manusia (dari berbagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda bagi orang yang berfikir.

(iv) Kaedah berbekam untuk membersihkan darah dan menggunakan inai untuk berubat, membuktikan bahawa baginda Rasulullah S.A.W. juga seorang ahli perubatan.

عَنْ سَلْمَىٰ خَادِمِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ: مَا سَمِعْتُ أَحَدَ قَطْ يَشْكُو إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجْعًا فِي رَأْسِهِ إِلَّا قَالَ احْتَجَمْ وَلَا وَجْعًا فِي رَجْلِهِ إِلَّا قَالَ أَخْضِبِهِمَا بِالْحَنَاءِ.*⁶⁶

Maksudnya: Dari pada Salma (khadam baginda Rasulullah S.A.W.) katanya : Aku dengar seseorang telah mengadu kepada Rasulullah S.A.W. mengenai sakit kepala yang telah menimpanya, maka Rasulullah S.A.W. telah bersabda kepadanya: "Berbekamlah!" Dan jika ada orang yang mengeluh kepada Baginda tentang sakit pada kedua belah kakinya, maka Baginda bersabda kepada orang itu: "Balutlah ia dengan inai".

⁶³Al-Quran, surah al-Anfal, 9: 11.

⁶⁴Al-Quran, surah al-Nahl, 14: 69.

⁶⁵Firman Allah S.W.T. kepada lebah (*al-nahl*).

⁶⁶Al- Syaibani, Ahmad ibn Hanbal Abu Abdullah (t.t), *Musnad Ahmad*, Misr: Muassasah al-Qurtubah,juz:, h.462.

Melalui panduan daripada al-Quran baginda dan para sahabat telah merealisasikan ajaran Islam yang sebenarnya sesuai dengan fitrah semulajadi manusia dan keperluan hidup manusia di dunia serta di akhirat. Baginda juga memberikan perhatian dan mementingkan penjagaan yang sempurna terhadap mereka yang sakit. Orang yang sihat sentiasa diingatkan supaya melaksanakan tanggungjawab menjaga mereka yang sakit dengan sabar dan penuh keikhlasan. Menziarahi orang sakit merupakan amalan yang sangat dituntut. Tempat yang bersih dengan suasana yang tenang dianjurkan disediakan untuk para pesakit.

Ketika berlaku peperangan khemah-khemah sementara disediakan diperkarangan masjid sebagai tempat untuk memberikan rawatan terhadap mereka yang cedera di dalam peperangan. Di situ ditempatkan para tabib (doktor) dan jururawat untuk memberikan perkhidmatan perubatan. Di antara yang pernah memberikan rawatan terhadap mereka yang cedera di dalam peperangan ialah isteri Rasulullah S.A.W. sendiri Saidatinā ‘Aisyah R.A. Semua ini memberikan gambaran bahawa konsep asas tentang hospital telah sedia ada dalam tamadun Islam sejak awal kedatangan Islam , iaitu semenjak zaman Rasulullah S.A.W. lagi.

2.2.2 Zaman Pertengahan⁶⁷

Di zaman Pertengahan (Middle Ages) keperluan kemasyarakatan telah mendorong ke arah penubuhan *māristān*. Sama ada di Timur atau di Barat penubuhan *māristān* telah berlaku dengan pesatnya. Di Timur ianya dilaksanakan oleh umat Islam, manakala di Barat ia dilakukan oleh penganut-penganut agama Kristian.

Namun bukti-bukti sejarah telah menunjukkan bahawa jumlah *māristān* di negara-negara yang dikuasai oleh umat Islam adalah lebih banyak pada ketika itu jika dibandingkan dengan negara-negara Barat.⁶⁸ Malah Zaman Kerajaan Abbasiyyah amat mahsyur dengan *māristānāt* dan klinik-klinik.⁶⁹ *Māristānāt* atau hospital-hospital telah dibina oleh pihak pemerintah di kawasan-kawasan bandar. *Māristān* yang pertama dalam tamadun Islam didirikan oleh Khalifah al-Walid dalam tahun 88 H (707 M) di zaman pemerintahan kerajaan Umayyah.⁷⁰

Di abad yang ke 2 Hijrah (9 Masihi) iaitu di zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid 170H-193H (786-809 M), sebuah *māristān* telah diasaskan di Baghdad. *Māristān* yang kedua dibina di Baghdad di zaman Khalifah al-Muqtadir (295H-319H / 908M-932M).

⁶⁷Dhuha al-Islam. Iaitu di akhir zaman pemerintahan Umayyah dan di awal pemerintahan Abbasiyyah.

⁶⁸ *The Encyclopedia Americana* (1972) International Edition ,Vol. 14, USA :Grolier Incorporated Darbury , Connecticut , 1972 , h.439.

⁶⁹ Dr. Omar Amin Hoesin ,*op. cit* , h 119 .

⁷⁰ Dr.Ismail Saad (ed.) *op.cit.*,c.2, h.108.

Pada tahun 359 H (970M) *māristān* yang ketiga pula telah ditubuhkan di Baghdad; *māristān* ini mempunyai dua puluh lima (25) ahli perubatan (*physician*) dan *māristān* tersebut juga digunakan untuk melatih pelajar-pelajar di bidang perubatan.⁷¹

Dalam abad ke 3 Hijriah (10 Masihi) didirikan pula lima buah *māristān* di kota ini.⁷² Menjelang abad ke 4 Hijriah (11 Masihi) di Kota Baghdad sahaja terdapat lapan buah *māristān*. Berikutan dengan itu banyak lagi *māristān* yang dibina di bandar-bandar terpenting. *Māristān* ini dibina dengan biaya dari wakaf orang-orang yang berada yang didirikan khusus untuk orang-orang miskin.⁷³

Adhad al-Daulah al-Buwaihi⁷ (337 H- 372 H / 948 M-982 M) telah membina beberapa buah *māristān*, di antaranya ialah *Māristān al-Adhūdi* di Baghdad. Golongan *al-Ayūbi* juga telah mendirikan beberapa buah *māristān* di Mesir. Ya'qub al-Manṣūr al-Muwahhidī (580H-595H / 1184M-1198M) telah mendirikan di Maghribi sebuah *māristān*, iaitu di Marakisy. Setiap minggu selepas sembahyang Jumaat beliau sendiri datang memeriksa sambil menziarahi para pesakit.⁷⁴

Secara keseluruhannya di zaman Pertengahan ini dicatatkan bahawa terdapat sebanyak 34 buah *māristān* atau hospital di negara-negara yang dikuasai oleh umat Islam atau di negara-negara Islam.⁷⁵ Jumlah ini juga adalah direkodkan sebagai terbanyak di dalam sejarah ketika itu. *Māristānat* atau hospital-hospital

⁷¹ The Encyclopaedia of Americana, *op. cit.* h. 439.

⁷² Dr. Omar Amin Hoesin , *op. cit* h. 120.

⁷³ Dr. Ismail Saad , *loc. cit.*

⁷⁴ *Ibid* , h. 130.

⁷⁵ The Encyclopedia Americana , *op. cit.* .h. 439.

ini juga diuruskan dengan baik dan mencapai tahap kemajuan dan pembangunan yang terbaik di zamannya.⁷⁶

Walaupun tidak dapat ditunjukkan dengan jelas bagaimana bentuk *māristān* ketika itu, para pengkaji sejarah berpendapat, *māristān* tersebut adalah sama bentuknya dengan hospital yang terdapat di Sekolah Tinggi Perubatan di Jundishapur.⁷⁷

Orang-orang Kristian membina bangunan *māristān* bersambung dengan gereja. Ini memberikan gambaran tentang peranan paderi atau *saint*, iaitu untuk mendoakan pesakit dan memberikan sokongan kepada pihak insitusi ini.⁷⁸

Mengikut Dr. Hassan Ibrahim Hassan; konsep *māristān* yang ada dalam Islam telah diambil dari orang-orang *Suryāni* kerana mereka mempunyai kepandaian yang istimewa di bidang perubatan pada zaman *Abbasiyyah*.⁷⁹ Para khalifah, sultan dan amir pada ketika itu telah memerintahkan supaya diletakkan di masjid-masjid simpanan-simpanan ubat (dari jenis pil dan cecair) dan menentukan tabib-tabib untuk merawati kes-kes kecemasan yang terjadi kepada jemaah yang datang sembahyang. Mereka telah merawati orang-orang sakit tanpa membezakan mereka dari segi agama atau mazhab dan memberikan layanan yang sama serta menyediakan makan, minum dan rawatan percuma.⁸⁰

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*, h. 259.

⁷⁹ Dr. Hassan Ibrahim Hassan , *op.cit.*, h.129.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 130.

Perkembangan *māristān* pada hakikatnya telah berlaku selaras dengan perkembangan ilmu perubatan. Perubatan Islam telah menguasai dunia daripada Parsi hingga ke Andalusia antara abad ke 8 Masihi (2 Hijriah) hingga abad ke 15 Masihi (9 Hijriah), sedangkan Eropah tidak mempunyai ilmu perubatan pada kurun-kurun pertengahan kecuali sesuatu yang dipindahkan daripada orang-orang Islam.⁸¹

2.2.2.1 Zaman Kerajaan Umayyah (41H- 132H/661M-750M)

Sejak dari zaman Kerajaan Umayyah, *Māristān* *Baghdad* merupakan *māristān* yang paling moden. Pancutan-pancutan air mendinginkan udara di luar wad bagi mereka yang mengidap demam panas; pesakit-pesakit jiwa dirawat dengan lemah lembut dan pada waktu malam para pesakit berehat dengan alunan muzik yang lembut dan dihiburkan dengan “*story telling*”.⁸²

Al-Walid Ibn ‘Abd al-Mālik (85 H-96 H / 705M-715 M) salah seorang khalifah Umayyah merupakan orang yang pertama membina bangunan *māristān* seperti ini dalam tamadun Islam.⁸³ *Māristān* ini dibina di Damsyiq pada tahun 707 M (88 Hijriah) dengan pembiayaan *Bait al-Māl*. Di *māristān* ini para pesakit diberikan rawatan untuk berbagai jenis penyakit dan *māristān* ini juga merupakan *māristān* pertama untuk para pesakit kusta serta orang-orang buta.⁸⁴ Terdapat beberapa orang pembantu khas untuk membantu pesakit-pesakit di situ dan berbagai kemudahan disediakan. Pesakit-pesakit juga dilayan dengan baik dan

⁸¹ Ahmad Taha, *op.cit.*, h. 32.

⁸² Ibrahim B.Syed, *Islamic Medicine*, (*edited by Shahid Atar, M.D.*) , <http://www.islam-usa.com/im4.html>, 26 Oktober 2001.

⁸³ Ahmad Taha, *op.cit.*, h.44.

⁸⁴ *Ibid.*

segala keperluan, termasuk makanan yang berzat, pakaian yang bersih dan sesuai, selimut serta tempat tidur yang selesa turut disediakan.⁸⁵

Semua golongan masyarakat, sama ada raja atau rakyat, kaya atau miskin menerima layanan sama rata. Mereka yang fakir dan hidup melarat apabila sembuh dari penyakit akan menerima sumbangan berupa lima keping wang emas bagi menampung kehidupan mereka.⁸⁶

Kebanyakan *māristān* mempunyai wad khas untuk pesakit jiwa namun terdapat juga beberapa buah *māristān* yang dibina khusus untuk pesakit jiwa. Rumah-rumah khas juga dibina untuk anak-anak yatim dan wanita-wanita tua. Pasukan-pasukan perubatan juga dihantar untuk merawat banduan di penjara dan membekalkan ubat-ubatan kepada mereka.⁸⁷ Pemerintah juga mengarahkan gedung-gedung ubat bergerak diwujudkan bagi menjaga kesihatan penduduk-penduduk luar bandar, terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai doktor.⁸⁸

Peraturan-peraturan khas ditetapkan untuk memastikan dadah yang digunakan dalam ubat-ubatan berada dalam tahap kawalan (*quality control*). Ahli farmasi menjadi ahli-ahli profesional yang berlesen dan diberi jaminan mengikut preskripsi ahli perubatan. Tindakan undang-undang diambil untuk mencegah para

⁸⁵ Hospitals and Medical Schools in the Dark and Middle Ages,
<http://users.erols.com/gmqm/sibai10.html>. 26 Oktober 2001.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ Fazlur Rahman, *op.cit.*, h. 107.

⁸⁸ *Ibid.*

doktor daripada memiliki atau mempunyai stok dalam farmasi.⁸⁹ Ilmu perubatan berkembang kepada pendidikan perubatan, hospital, bakteriologi, anesthesia (bius), pembedahan, farmasi, oftamologi, psikoterapi dan sikosomatic.⁹⁰

Perkembangan dan kemajuan dalam ilmu perubatan sepetimana yang disebutkan tadi telah membawa perkembangan yang pesat dalam penubuhan dan perlaksanaan hospital dan institusi perubatan lain dalam tamadun Islam.

2.2.2.2 Zaman Kerajaan ^cAbbasiyah (132H/750M - 565H/1258M)

Māristān dalam pengertian hospital pada hari ini telah mula dibina pada zaman khalifah ^cAbbasiyah 133H-656H (750M-1258 M). Inisiatif manusia dan juga bahan-bahan teknikal pada masa pembentukan awal datangnya daripada kolej Jundishapur yang telah dibina oleh pemerintah Sassanian Iran pada tahun 69 H (555 M). Pada zaman pemerintahan kerajaan ^cAbbasiyah, pembinaan *māristān* amat pesat dijalankan. Bilangan *māristān* yang terdapat di Baghdad sahaja mencapai bilangan enam puluh buah. Perkembangan ini juga giat sehingga ke Cordova di Sepanyol dan bilangan *māristān* yang terdapat di sana ketika itu mencapai sehingga lima puluh buah.⁹¹ Para doktor dari kalangan orang-orang Kristian pada peringkat awal penubuhan *māristān* ada yang dilantik menjadi pengarah. Misalnya Abu ‘Uthman al-Dimashqi dan Sinān bin Thābit.

⁸⁹ Islamic Heritage, Medical Philosophy, <http://www.Islamset.com/heritage/philos/Contribution.html>. 8 hb. November 2001.

⁹⁰ Ahmad Taha, *op.cit.*

⁹¹ *Ibid.*

Di India, walaupun hubungan antara pakar-pakar perubatannya dengan pakar-pakar dari negara-negara Islam di Timur Tengah telah pun bermula pada awal zaman ^cAbbasiyyah, iaitu apabila al-Biruni 362H-440H (973M-1048M) melawat India mengikut kumpulan askar yang diketuai oleh Mahmud Ghaznawi 387H-420H (998M-1030M) pada akhir abad ke 10 Masihi (3Hijriah), perubatan cara Islam masih belum bertapak dengan kuat. Namun, akibat serangan orang-orang Mongol terhadap Baghdad dan Iran pada abad ke 13 Masihi (6 Hijriah), ramai para cendekiawan dan doktor yang ulung telah pergi ke India.⁹²

Terdapat bukti bahawa pada zaman pemerintahan ^cAla al-Dīn Khilji (meninggal 721 H /1321 M) pengajaran ilmu perubatan telah pun wujud di India. Raja India yang beragama Islam iaitu Muhammad bin Thuglaq (meninggal 790 H / 1352 M) dan penggantinya Firuz Shah Tughlaq (meninggal 790 H /1388 M) kedua-dua mereka ialah doktor. Raja Firuz Shah telah mendirikan lima buah hospital tambahan di India. Salah satu daripadanya selalu disebut oleh para sejarawan. Hospital yang terletak di Delhi ini mempunyai cukup doktor dan paramedik di samping mempunyai segala jenis ubat-ubatan dan makanan untuk pesakit.⁹³

Khalifah Harun al-Rashid (170-193 H/ 786-809 M) merupakan orang pertama yang mengarahkan pembinaan *māristān* di Baghdad. *Māristān* ini telah dibina oleh seorang Kristian, Jibrail bin Bakhtisyu, seorang doktor di Jundishapur. Jibrail telah datang ke Baghdad dari Parsi bersama-sama seorang pembancuh ubat iaitu Masawahih yang juga beragama Kristian.

⁹² Ibid.

⁹³ Ibid.

Anak Masawaih, iaitu Yuhanna bin Masawaih, akhirnya telah dilantik sebagai ketua *māristān* tersebut. *Māristān* yang diasaskan oleh khalifah Harun al-Rashid telah disusuli dengan pembinaan beberapa *māristān* yang lain pada akhir abad ke 9. ^cAli bin ^cIsa merupakan Perdana Menteri di zaman khalifah al-Mu^ctadi yang sangat mengambil berat terhadap kesihatan rakyat beliau telah berusaha menambah bilangan para doktor dan memperbaiki perkhidmatan *māristān*.⁹⁴

Abu ^cUthman al-Dimashqi, juga seorang Kristian yang telah menterjemahkan buku-buku dari bahasa Greek telah menjadi pengarah *māristān* di Damshiq, Makkah dan juga Madinah. Beliau telah digantikan oleh seorang yang terkenal yang juga seorang Kristian bernama Sinān bin Thābit yang telah membina sebuah *māristān* yang baru pada tahun 301 H (914 Masihi).⁹⁵

Māristān khas untuk angkatan tentera juga ditubuhkan. *Māristānāt* ini mempunyai doktornya sendiri dan biasanya *māristānāt* ini bergerak dari satu tempat ke satu tempat mengikut pergerakan dan perpindahan pasukan tentera.⁹⁶ Di zaman Rasulullah S.A.W. khemah-khemah dibina di perkarangan masjid untuk dijadikan pusat rawatan untuk tentera-tentera yang cedera di dalam peperangan.

Contoh *māristān* yang terbaik di zaman ^cAbbasiyyah ini ialah *māristān* yang didirikan oleh Ahmad bin Tūlūn di bumi al-Askar pada tahun 259 H. (872

⁹⁴ Al-Surty, *op.cit.* h.58.

⁹⁵ Fazlur Rahman (1992),(terjemahan : Wan Mohd. Nor Wan Daud & Shahruh Amar Abdullah), *Kesihatan dan Perubatan Dalam Tradisi Islam* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 106.

⁹⁶ *Ibid*, h. 108

M) Berbagai-bagai kemudahan dan peraturan terdapat di *māristān* ini yang melayakkannya menduduki tahap yang paling tinggi.

2.3 PERANAN *MĀRISTĀN*

2.3.1 Sebagai Pusat Pendididikan, Latihan dan Pengajaran Perubatan

Di Eropah pada zaman pertengahan, pengalaman perubatan di hospital yang terus di bawah kuasa gereja itu diasangkan dari pendidikan perubatan yang berpusat di sekolah-sekolah gereja, di universiti-universiti dan di akademi perubatan di Salerno dan di Montpellier. Tidak terdapat pertalian tetap di antara pendidikan perubatan dengan pengamalan perubatan di Eropah sehingga ke penghujung abad ke 17 dan ke 18 Masihi, apabila klinik universiti dan hospital universiti seperti di Leiden, Edinburgh, Paris dan tempat-tempat lain ditubuhkan.⁹⁷

Pengasingan di antara pendidikan teori dengan pengamalan sejak dari dahulu tidak diamalkan dalam sistem perubatan Islam. Di *māristān* kedua-dua aspek ini disatukan menjadi konsep “hospital pengajaran”. Bentuk pendidikan kini jelas dipraktikkan oleh al-Razi dan diperkembangkan oleh beliau semasa bertugas di *Māristān Rai* dan *Māristān Muqtadir* di Baghdad. Ketika itu beliau menjadi Pakar Perubatan Kanan. Cara pendidikan ini merupakan amalan yang

⁹⁷ Ismail Saad, *op.cit.*, h.110.

representatif dan biasa di semua *māristān* atau hospital Islam pada masa itu. Siswa-siswa berbaris di hadapan katil pesakit dan mereka menyayal serta memeriksa pesakit di bawah arahan dan didikan seorang doktor kanan yang bertugas sebagai pendidik klinikal.⁹⁸

Pada lazimnya *māristānāt* ini dibina berdekatan dengan madrasah tempat mahagurunya mendidik siswa-siswa perubatan. *Māristānāt* ini adalah umpama hospital-hospital besar pada zaman moden ini. Kelengkapan tersusun mengikut fungsinya. Kedudukan wad berasingan bagi lelaki dan perempuan, juga wad untuk mereka yang luka parah, wad sakit mata dan wad khas bagi penyakit demam. Wad bagi mereka yang sakit jiwa dan tidak siuman juga merupakan suatu kemajuan yang agak moden bagi sesetengah *māristān*. Cara merawat pesakit jiwa dilakukan dengan penuh perikemanusiaan. Kebanyakan *māristān* mempunyai kemudahan untuk pembedahan, begitu juga farmasi, khutub khanah perubatan, bilik-bilik tertentu untuk kuliah dan juga perkhidmatan ambulan. Terdapat juga dapur khas untuk menyediakan makanan tertentu bagi pesakit.⁹⁹

Kesungguhan para doktor Islam untuk memastikan kecekapan para pelajar dan para doktornya amatlah tinggi, sehingga sekiranya terdapat kelemahan di dalam sesuatu aspek tertentu mereka akan segera memperbaikinya dengan mencerahkan pengalaman mereka melalui karangan-karangan mereka.

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ Dr. Ismail Saad , *loc.cit* .

Al-Razi menulis sebuah buku tentang perbandingan mengenal pasti penyakit (*Differential Diagnosis*) yang diberi nama *Kitāb Kalām fī al-Furuq bayna al-Amrād*. Beliau menyebut sebab-sebab buku itu ditulis:

“Ketika saya melihat para doktor zaman ini tidak mengetahui jenis-jenis penyakit kecuali apa yang mereka gambarkan daripada buku-buku dengan tanda-tanda dan sebab-sebabnya yang tersebut di dalam buku-buku itu. Sedangkan sebab-sebab dan tanda-tanda itu kadang-kadang bersamaan dan penyakit-penyakit juga mempunyai persamaan. Tambahan pula cita-cita untuk mendalami ilmu berasaskan prbandingan-perbandingan dengan ilmu dasar itu amat lemah sekali. Maka saya berpendapat eloklah saya susunkan sebuah buku tentang sebab-sebab, tanda-tanda dan juga jenis-jenis penyakit yang mempunyai persamaan, kemudian saya bezakan di antaranya. Ini akan memudahkan ianya diingati dan dikenalpasti.. Faedah besar terutama ketika mempraktikkannya ialah tidak akan berlaku kesamaran dan dapat mengelakkan kesilapan.”¹⁰⁰

Pelajar-pelajar perubatan biasanya memulakan pelajaran dengan mengkaji buku *al-Fusul* (Aphorism) karya Abqarat, kemudian buku *al-Masā'il fī al Tib li al Mutā'āllimin* (Masalah-masalah Perubatan Untuk Pelajar) oleh Hunain ibn Ishak (194H-264H / 810M-878M), kemudian *al-Madkhāl al-Ta'ālimi* (Pengertian Pengajaran) oleh al-Razi, Intisari Enam Belas Risalah oleh Jalinus yang diterjemahkan oleh Hunain,¹⁰¹ juga *al-Hāwi*¹⁰² dan *al-Qānūn*.¹⁰³

¹⁰⁰ Ahmad Taha, *op.cit.*, h. 53.

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 50.

¹⁰² Buku perubatan termasyur karangan Abu Bakar al-Razi (251-313 H/ 865-925 M) hasil pemerhatian klinikalknya.

¹⁰³ *Al-Qānūn fi Al-Tibb* atau Undang-undang Perubatan merupakan sebuah ensiklopedia perubatan yang terkenal yang dikarang oleh Abu Ali Ibn Sina atau dikenali sebagai Avicenne (370-428 H/980-1037 M). Buku ini merupakan karya perubatan yang menjadi sumber rujukan di universiti-universiti di Eropah sehingga pertengahan abad ke 12 Hijrah (17 Masihi).

2.3.2 *Māristān* Sebagai Pusat Kebajikan Masyarakat

Para Khalifah telah mendirikan *māristānāt* untuk-pesakit tanpa membezakan antara mereka dari segi agama, mazhab atau keturunan. Mereka diberi ubat dan makanan dengan percuma. Bahkan ramai di kalangan para tabib muslimin yang mahsyur dengan sifat pemurah hati, belas kasihan kepada orang-orang fakir dan para pesakit hingga mereka dirawati dengan percuma di samping memberi wang perbelanjaan pula kepada mereka sehingga mereka betul-betul sembuh.¹⁰⁴

Satu perkara yang menarik mengenai hal ini, di mana al-Rāzi pernah menulis sebuah buku untuk fakir miskin yang tidak mampu menemui doktor. Tulisan itu dinamakan “Kepada Sesiapa Yang Tidak Dikunjungi Doktor”. Buku ini menerangkan secara terperinci mengenai jenis-jenis penyakit dan cara rawatannya. Ia dikenali juga sebagai perubatan fakir miskin.¹⁰⁵ Buku ini juga menjadi buku panduan perawatan untuk orang awam yang tidak dapat mengunjungi doktor.

2.3.3 Sebagai Pusat Rawatan

Di Mesir (Qaherah / Cairo) misalnya di *māristān* yang ditubuhkan pada tahun 681 H (1283M) telah ada bahagian-bahagian yang memisahkan antara berbagai jenis penyakit, seperti penyakit berjangkit, luka-luka dan penyakit mata. Wanita juga diasingkan dibilik-bilik (wad) yang khas. Perkhidmatan perubatan

¹⁰⁴ Dr. Hassan Ibrahim Hassan, *op. cit.*, Siri Ketujuh, h. 218.

¹⁰⁵ Ahmad Taha, *op.cit.*, h. 56.

disediakan oleh para ahli perubatan yang diawasi oleh seorang pengarah perubatan. Terdapat juga para jururawat yang terdiri dari lelaki dan wanita.¹⁰⁶

Māristān juga berperanan sebagai pusat rawatan kecemasan. Pusat rawatan kecemasan ini didirikan di tempat-tempat yang sering menjadi tempat pertemuan orang ramai seperti di masjid, terutamanya pada hari Jumaat dan hari-hari Raya. Pusat-pusat ini dikendalikan oleh para doktor dan pakar-pakar ubat-ubatan untuk merawat orang-orang sakit dan orang-orang yang tercedera.¹⁰⁷

Orang pertama yang menubuhkan pusat rawatan kecemasan ialah Ahmad Ibn Tūlūn (254-270H/868- 883M).¹⁰⁸ Di dalam *Khutāt al-Magrīzī* ada diceritakan bahawa didalam masjid Ibn Tūlūn terdapat tempat air yang didalamnya terdapat berbagai-bagai minuman dan ubat-ubatan. Pada hari Jumaat ketika orang ramai datang untuk solat Jumaat terdapat seorang doktor dan seorang pembantu yang sedia membantu sekiranya berlaku sesuatu kemalangan.¹⁰⁹

Sejarah telah menyebut tentang peranan *Saidatinā* ⁶Aisyah dan beberapa orang *ṣahabiyyah* yang berkhidmat sebagai jururawat di zaman Rasulullah S.A.W. Selain dari itu tedapat juga maklumat sejarah yang menunjukkan bahawa Rufaidah al-Aslamiyyah, yang turut bertugas ketika perang bersama Rasulullah S.A.W., adalah orang pertama yang memulakan sekolah Kejururawatan yang

¹⁰⁶ *The Encyclopaedia of Americana*, h.. 339 .

¹⁰⁷ Ahmad Taha, *op.cit.*,h. 48.

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 49.

¹⁰⁹ *Ibid.*

pertama serta mengasaskan kod etika kejururawatan lebih 14 abad yang lalu mendahului Florence Nightingale selama 1,200 tahun.¹¹⁰

Tradisi ini diteruskan oleh umat Islam hingga ke hari ini di mana mereka yang berkebolehan dan mempunyai ilmu pengetahuan tidak bakhil untuk membantu mereka yang memerlukan khidmat dan pertolongan. *Māristān* adalah tempat yang paling sesuai untuk mereka mencerahkan khidmat bakti.

2.3.4 Sebagai Pusat Pendidikan Profesional dan Kepakaran

Māristān juga merupakan institusi untuk mengajar dan melatih pelajar-pelajar perubatan. Dewan-dewan disediakan untuk kuliah perubatan. Para pelajar menghadiri perundingan-perundingan rawatan dan memerhatikan cara-cara pemeriksaan doktor dan kaedah rawatan yang diberikan oleh mereka. Sepertimana amalan di klinik-klinik rawatan pesakit luar yang dijalankan di hospital sekarang. Pelajar-pelajar tersebut akan mengiringi para doktor membuat rawatan harian terhadap pesakit-pesakit di wad. Setelah selesai lawatan pagi mereka seringkali menghadiri perjumpaan dengan para doktor di perpustakaan.¹¹¹

Doktor atau tabib ditugaskan bagi menguruskan berbagai jenis tugas khas yang biasanya di bawah arahan seorang doktor yang terkenal. Sistem memberi didikan klinikal ditekankan dan juga terdapat sistem peperiksaan bagi bakal-bakal doktor. Mereka perlu menyediakan suatu tesis selepas tamat pendidikan teori dan

¹¹⁰ Sayyid Hossein Nasr (1981) , *Science & Civilization in Islam* ,New York : Signet Classics , h 261-262.

¹¹¹ Ahmad Taha, *op.cit.*, h. 48.

praktik. Selepas mencapai prestasi yang memuaskan barulah mereka diberi sijil pengamal perubatan atau ijazah kemahiran perubatan.¹¹²

Seorang bakal doktor juga dikehendaki mematuhi kod etika pengamal perubatan Islam seperti yang diasaskan oleh Hippocrates tetapi telah diubahsuai dan disusuli dengan konsep Tauhid.¹¹³

Kod etika ini menekankan tentang pekerti seorang pengamal perubatan yang dilarang membunuh atau bersubahat untuk matlamat demikian dengan menggunakan ubatan racun. Pengguguran anak serta memecahkan rahsia yang diamanahkan oleh seorang pesakit juga dilarang. Para doktor juga mempunya kod etika berpakaian. Mereka dikehendaki berpakaian sesuai supaya dapat menaruh keyakinan di kalangan orang yang dirawati dan dianjurkan supaya sentiasa berakhhlak mulia dalam menjalankan tugas.¹¹⁴

Para doktor memperolehi bayaran dari rawatan pesakit, namun pesakit-pesakit yang miskin dikecualikan dari pembayaran. Jika berlaku sesuatu yang tidak memuaskan di antara pengamal perubatan dan pesakit bolehlah dibawa perkara ini ke mahkamah untuk diselesaikan.

Tugas-tugas pengawasan atas profesyen perubatan oleh pihak pemerintah dan undang-undang dapat dilihat melalui sistem *hisbah* yang mula muncul di Baghdad di bawah pemerintahan Khalifah ‘Abbasiyah. Institusi *hisbah* ini diketuai oleh seorang pengawas yang bergelar “*muhtasib*” yang

¹¹² Dr. Ismail Saad, *op. cit.*, h. 108-109.

¹¹³ *Ibid.* h.110.

¹¹⁴ *Ibid.*

bertanggungjawab menentukan masyarakat umum tidak menjadi mangsa kepada pengamal-pengamal perubatan yang kurang berkelayakan atau tidak berkelayakan. Kawalan hisbah ini merangkumi kawalan terhadap operasi farmasi, kawalan ketat terhadap mutu makanan, minuman dan ubat-ubatan.¹¹⁵

Walaupun *māristān* yang diusahakan oleh orang-orang Kristian di Barat mungkin ada yang wujud terlebih dahulu dari *māristān* yang diasaskan oleh orang-orang Islam, fakta sejarah telah menunjukkan bahawa institusi-institusi ini telah berkembang maju setelah dibangunkan oleh orang-orang Islam di zaman kegemilangannya.¹¹⁶

2.3.5 Sebagai Pusat Penyelidikan Perubatan

Māristānāt atau hospital-hospital Islam yang lengkap telah tertubuh di Empayar Islam beratus-ratus tahun sebelum terdirinya institusi tersebut di dunia Barat.¹¹⁷ Dengan garis panduan sistem perubatan yang diamalkan oleh *māristānāt* yang diasaskan oleh orang-orang Islam ini sekolah-sekolah dan pusat pendidikan perubatan mula ditubuhkan di seluruh Eropah pada akhir abad ke 16. Sekolah-sekolah itu mencantohi sekolah-sekolah perubatan di Universiti Salerno, Universiti Montpellier dan juga Universiti Paris di mana universiti-universiti ini juga telah mengambil garis panduan dari kerajaan Islam.¹¹⁸

¹¹⁵ Martin Levery (1967), *Medical Ethics of Medieval Islam with special reference to al-Ruhawi's 'Practical Ethics of The Physician'*, The American Philosophical Society., h. 21.

¹¹⁶ *Op. cit.* , h. 440.

¹¹⁷ *Op. cit.*, h. 108 .

¹¹⁸ *Ibid.* h.109.

Umat Islam pada masa itu telah memahami sistem kepakaran dalam ilmu perubatan. Lahir di kalangan para tabib muslimin dan ahli zimmi (Yahudi dan Nasrani) beberapa orang tabib pakar yang mengurus dalam perawatan anggota badan dan pembedahan. Mereka menggunakan berbagai peralatan perubatan untuk merawat pesakit.

Bani ^cAbbas sangat mengambil berat mengembangkan ilmu-ilmu *tib* (perubatan). Mereka telah mendirikan sekolah-sekolah perubatan serta hospital-hospital yang disebut *māristānāt* ini dan menyeru supaya diadakan muktamar-muktamar mengenai perubatan. Muktamar-muktamar yang dihadiri oleh para tabib dari seluruh negeri ini selalunya diadakan pada musim Haji. Melalui muktamar ini para tabib pakar ini mengemukakan hasil kajian masing-masing.¹¹⁹ Mereka juga menunjukkan contoh tumbuh-tumbuhan yang terdapat di negeri-negeri Islam dan menerangkan khasiat-khasiatnya dari segi perubatan.¹²⁰

2.5 Contoh *Māristān* dan Institusi Perubatan Lain Yang Diuruskan Oleh Umat Islam

2.5.1 *Māristān* ^cAdudi

Maristān ^cAdudi yang didirikan di Baghdad pada tahun 982 Masihi oleh Buyid ^cAdud ad-Daulah (meninggal 983 Masihi) merupakan *māristān* terbesar dan paling terkemuka di dunia Islam pada era ^cAbbasiyah.¹²¹ Kecemerlangan

¹¹⁹ Dr. Hassan Ibrahim Hasaan , *op.cit.* , h. 129.

¹²⁰ *Ibid.*

¹²¹ Afzalur Rahman, *op.cit*, h. 109 dan al-Surti, *op.cit.*, h.59.

māristān ini berterusan sehingga sekurang-kurangnya empat abad di dunia Islam. Ia menyediakan kemudahan perubatan terbaik ketika itu.¹²²

Māristān ini dibina di *Sūq al-Māristān*, satu kawasan yang terletak antara *Bab al-Baṣrah* dan *Shāri‘ Am*. Bangunan *māristān* dibina indah di pinggir Sungai Tigris. Terdapat banyak bilik dibina di *māristān* ini dan ia dibahagikan kepada beberapa wad . Menurut ahli-ahli sejarah, wad-wad ini kelihatan seperti kediaman di Raja. *Māristān* ini juga dilengkapi dengan berbagai peralatan dan kemudahan rawatan yang canggih.¹²³

Para pesakit dirawat dengan baik di *māristān* ini dan semua pesakit menerima ubat-ubatan serta makanan secara percuma. Pada setiap hari Isnin dan Khamis pakar-pakar perubatan dari seluruh kota Baghdad akan datang ke *māristān* ^{‘Adudi} untuk memberi khidmat nasihat kepada doktor-doktor di *māristān* ini.

2.5.2 *Māristān Muqtadirī*

Pada tahun 303 H (716 M) Khalifah al-Muqtadir (295H-319H / 908M-932M) telah meminta ahli perubatan yang terkenal Abu ^{‘Uthman} Said bin Ya^cqub dari Damasus untuk mengawasi dan menyelia *māristān* di Baghdad, Makkah dan Madinah. Khalifah Muqtadir juga telah mengasaskan beberapa buah

¹²² al-Sury, *Ibid.*, 63.

¹²³ *Ibid.*, h. 65.

māristān yang baru yang mana beliau telah memberikan sumbangan dan biaya yang besar.¹²⁴

Ketika itu *māristān Muqtadiri* merupakan *māristān* yang paling terkenal. Kerajaan al-Muqtadiri mempunyai seorang menteri yang terkenal dengan kecekapannya dalam pentadbiran dan keperihatinannya terhadap kebajikan rakyat, iaitu Ali ibn ^cIsa al-Jarrah. ^cAli ibn ^cIsa telah menulis surat kepada Sinan, Ketua Pengarah Kesihatan mengenai kebajikan para banduan di penjara. Di dalam surat tersebut beliau menyatakan kebimbangannya terhadap masalah kebajikan para banduan di penjara. Terutamanya masalah kesihatan. Keadaan bilangan banduan yang ramai di dalam satu-satu penjara kemungkinan menjadi faktor merebaknya penyakit. Oleh itu beliau mencadangkan supaya dihantar pegawai-pegawai perubatan untuk memeriksa banduan setiap hari. Mereka perlu melawat keseluruhan penjara dan merawat banduan-banduan yang didapati sakit. Selepas surat tersebut dikirimkan oleh ^cAli ibn ^cIsa para pegawai perubatan atau doktor telah membuat lawatan ke penjara setiap hari.¹²⁵

Sebagai menteri, ^cAli ibn ^cIsa juga telah mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan supaya memberikan perhatian terhadap kesihatan masyarakat di luar bandar. Beliau telah mencadangkan supaya penduduk-penduduk luarbandar bukan hanya diberikan kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan di *māristān* yang ada, tetapi juga kumpulan doktor dengan bekalan ubat-ubatan yang mencukupi perlu dihantar melawat ke kawasan luar bandar.¹²⁶

¹²⁴ *Ibid.*, h.61.

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ *Ibid.*

2.5.3 Māristān Al-Mansūr

Hospital terbesar dan paling terkenal yang didirikan di Mesir adalah hospital *Manṣūri* atau *al-Mansūr*, yang dibina oleh pemerintah *Mamlūk*, *Manṣūr Qalaun* di Kaherah dan siap dibina pada tahun 1284 Masihi. Hasil pendapatan tahunan daripada pemberian derma bagi hospital yang paling lengkap dalam Islam ini adalah sebanyak satu juta dirham. Telah diceritakan bahawa Qalaun ketika melawat Syria telah mendapat sakit kolik dan telah dirawat di *māristān Nūri* di Damsyiq hingga sembuh. Beliau telah berpuas hati dan tertarik dengan hospital itu lalu bertekad untuk membina sebuah hospital di Kaherah.¹²⁷

Māristān ini asalnya sebuah istana yang besar yang boleh menampung 8000 orang.¹²⁸ Di *Māristān al-Mansūr* ini disediakan wad yang berasingan untuk lelaki dan wanita. Juga terdapat wad-wad yang lengkap untuk pelbagai rawatan , seperti demam, penyakit mata, perubatan dalaman (internal medicine) dan pembedahan. Sepertimana *māristān* lain pada ketika itu, *māristān* ini juga

¹²⁷ Fazlur Rahman, *op.cit.*, h. 112.

¹²⁸ Selalunya bangunan maristan diwakafkan atau dibina (dibiayai)oleh sultan , pemerintah atau golongan bangsawan. Nama sultan biasanya disebut di awal surat perjanjian wakaf dan di akhir surat perjanjian tersebut dirakamkan pujian terhadap Allah S.W.T. Contoh sebahagian daripada dokumen wakaf Mansuri adalah seperti berikut :

Hospital yang tersebut di atas telah diasaskan oleh pemerintah kita, iaitu sultan; baginda telah menyerahkan tempat tersebut untuk rawatan perubatan bagi pesakit-pesakit Islam, lelaki atau perempuan, kaya dan miskin, dari Kaherah dan dari daerah-daerah lain di Mesir. Kedua-duanya, sama ada penduduk negeri ini atau penduduk dari negeri lain, tidak kira bangsa, agama dan seumpamanya boleh dirawat di sini untuk penyakit-penyakit besar atau kecil, sama atau berbeza, sama ada penyakit itu dapat dilihat (bersifat fizikal) atau sakit jiwa , kerana pemeliharaan otak adalah salah satu tuntutan syariah.....Mereka ini sama ada lelaki atau wanita akan dirawat di *māristān* sehingga sembuh. Semua kos perubatan akan ditanggung oleh pihak hospital sama ada orang itu datang dari jauh atau dekat, penduduk negeri atau orang asing, kuat atau lemah, rendah atau tinggi, kaya atau miskin, pekerja atau majikan, buta atau celiak, terkenal atau tidak, terpelajar atau buta huruf. Tiada syarat pertimbangan dan pembayaran ; tiada siapa yang dilarang atau lebih-lebih lagi disindir kerana tidak membuat pembayaran. Keseluruhan perkhidmatan adalah kebesaran Tuhan Yang Maha Pemurah (Afzalur Rahman, h. 112 – 113 , lihat juga Ahmad Isa, Tarikh, h.151-152.)

mempunyai sebuah farmasi, bilik-bilik kuliah dan perpustakaan yang mewah. Terdapat pekerja-pekerja atau pelayan-pelayan lelaki dan wanita. Di samping itu *māristān* ini juga mempunyai sebuah surau untuk orang-orang Islam dan sebuah gereja kecil untuk orang-orang Kristian.¹²⁹ *Māristān* ini masih terus digunakan dan sejak tahun 1915 ia menjadi pusat rawatan khusus untuk orang-orang buta.¹³⁰

2.5.4 Pusat-pusat Kesihatan

Selain *māristān* dan tempat-tempat perlindungan, terdapat juga pusat-pusat kesihatan jenis lain. Seperti pusat-pusat kesihatan khas yang telah dibina berhampiran *jami'*, iaitu masjid-masjid yang menjalankan sembahyang Jumaat yang menjadi tumpuan dan tempat para jamaah berkumpul. Perkhidmatan dan rawatan diberikan oleh para jururawat yang ditempatkan untuk bertugas di situ.

¹³¹

2.5.5 Hospital Bergerak

Sejak di zaman baginda Rasulullah S.A.W. angkatan tentera mempunyai para doktor, jururawat dan pusat rawatannya sendiri. Khemah-khemah didirikan di mana-mana tempat yang diperlukan. Kebiasaananya di perkarangan masjid dan tidak jauh dari kediaman Rasulullah S.A.W. untuk memberikan kemudahan rawatan kepada mereka yang cedera dalam perperangan. Di khemah itu ditempatkan jururawat dan disediakan ubat-ubatan dan paralatan yang diperlukan.

¹²⁹ *Ibid.*

¹³⁰ *Ibid.*, h. 113.

¹³¹ Afzalur Rahman, *op. cit.*, h. 108.

Ini membuktikan bahawa umat Islam mengetahui tentang hospital bergerak sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi.¹³²

Rufaidah al-Aslamiyyah pada masa itu pernah memberikan rawatan kepada askar-askar yang cedera di khemah yang telah disediakan di perkarian Masjid al-Nabawi. Ketika Sa'ad ibn Mu'az tercedera di dalam pertempuran Khandaq, Rasulullah S.A.W. telah memerintahkan supaya dibawa ke khemah Rufaidah.¹³³

Hospital tentera selalunya bergerak dan berpindah dari satu tempat ke satutempat mengikut pergerakan tentera. Dilaporkan bahawa pasukan tentera Sultan Mahmud Ghaznawi (meninggal 420 H/1030 M) di zaman 'Abbasiyyah disertai bersama oleh sepasukan perubatan khas yang terdiri dari 40 ekor unta.¹³⁴

Para khalifah, raja-raja serta sultan-sultan Islam telah memberikan perhatian yang berat terhadap hospital bergerak ini dan mereka membekalkannya dengan segala kemudahan dan ubat-ubatan. Makanan, minuman dan pakaian juga turut disediakan.

¹³² Al-Surty, *Ibid*, h. 58.

¹³³ Ahmad Taha , *Kedoktoran Islam* , (terjemahan : Ismail Ibrahim) , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48.

¹³⁴ Wan Mohd. Noor Daud , *Kesihatan dan Perubatan dalam Tradisi Islam* , h. 108.

2.5.6 Sekolah Perubatan

Sekolah perubatan al-Iskandariah diasaskan selepas Alexander The Great al-Maqduni (salah seorang pelajar Aristotles, ahli falsafah Yunani) membuka Mesir kira-kira 300 tahun sebelum Masihi. Sekolah ini merangkumkan ilmu perubatan Mesir kuno dengan perubatan Greek. Sekolah ini juga termasyhur dengan perpustakaan yang besar yang mempunyai beribu-ribu jilid buku. Termasuk buku-buku tentang perubatan dan tentang anggota tubuh badan manusia serta fungsi-fungsinya.

Di antara tabib sekolah ini yang termasyhur ialah Herophilus, iaitu tabib pertama yang menjalankan pembedahan terhadap mayat manusia dan Erasistratus seorang pakar anggota manusia. Bagaimanapun kedudukan istimewa sekolah perubatan di Iskandariah ini mula pudar kira-kira 20 tahun selepas kerajaan Roman mula berkembang luas dan pusat ini mula dipindahkan ke Rom.¹³⁵

Roman mewarisi Greek dan terpengaruh dengan tamadun Greek. Kerajaan Roman mengikut jejak langkah Greek dengan menjadikan kuil-kuil sebagai tempat merawat pesakit dan para sami menjalankan tugas para tabib di dalam kuil-kuil tersebut. Orang-orang Roman pada masa itu sering menghantar para pesakit mereka daripada kawasan perkampungan ke sebuah kuil yang dibina khas di sebuah pulau untuk memudahkan rawatan. Selama beberapa abad bidang

¹³⁵ *Op. cit.* h. 8 .

perubatan di Rom menjadi bidang pekerjaan yang dijalankan oleh hamba sahaya dan bekas-bekas hamba sehinggalah ke zaman Julius Caesar.¹³⁶

Semasa kedatangan Islam, Sekolah Perubatan Jundishapur di Parsi berada di kemuncak kegemilangannya. Sekolah ini kemudiannya menjadi milik pemerintah Islam selepas kemenangan menentang pemerintahan Parsi. Pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Abbasiyyah (kurun ke- 2H / ke -9 M) para khalifah mulai menjemput para tabib Jundishapur ke Baghdad. Mereka ini berkhidmat sebagai ahli-ahli perubatan di negara-negara berhampiran lebih dari satu abad. Kebanyakan mereka daripada rumpun keluarga yang sama iaitu keluarga *Najtisyu*'.¹³⁷

Ketika sekolah perubatan ditubuhkan di Universiti Boulogne di Itali pada tahun 301 H (1156 M), bidang pengajiannya sama seperti sekolah-sekolah perubatan lain yang diasaskan pada waktu yang sama. Bentuk pengajaran adalah pengajian teori, tidak merupakan pengajaran secara klinikal. Buku-buku terjemahan di dalam bahasa Latin mengenai perubatan Islam pada umumnya menjadi bahan rujukan di mana-mana sekolah perubatan ketika itu.¹³⁸

Begitulah seterusnya apabila Kerajaan Islam mendirikan *māristān* di Baghdad, Damsyiq, Cairo, al-Quds, Makkah, Madinah, Morocco dan Andalus

¹³⁶ *Ibid*, h. 8

¹³⁷ Ahmad Taha, *op. cit.*, h.30.

¹³⁸ *Op. Cit.*, h. 61.

diwujudkan sekolah perubatan di situ. Sekolah-sekolah perubatan tersebut dilengkarkan dengan perpustakaan yang dipenuhi buku-buku.¹³⁹

2.5.7 Jabatan Kesihatan

Yahya ibn Khalid Barmaki, iaitu menteri kepada Khalifah Harun al-Rashid telah membina sebuah hospital yang sama seperti di Baghdad dengan biayanya sendiri. Khalifah Harun al-Rashid 169H-193H (786M-809M) juga telah memperkenalkan Jabatan Kesihatan sebagai sebuah jabatan yang terpisah daripada *māristān*. Beberapa buah dispensari kerajaan diperkenalkan di bawah jabatan ini.

Amalan para doktor dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar atau kawasan pendalaman untuk memberikan perkhidmatan dan memperbaiki tahap kesihatan penduduk luar bandar terus berkembang di dunia Islam sehingga zaman Sultan Mahmud al-Seljuqiⁱ (485H /1092M). Bilangan para doktor atau ahli perubatan Islam mencapai angka empat puluh kumpulan. Banyak dispensari dibuka dan di samping itu umat Islam juga turut mewujudkan dispensari untuk haiwan.¹⁴⁰

¹³⁹ Al-Siba'iyy, Mustafa, *Sumbangan Islam Kepada Peradaban Dunia*, (ter.), Surabaya: Mutiara Ilmu, 1985., h. 130-131.

¹⁴⁰ Wan Mohd Noor Daud, *op. cit.*

2.6 PENGURUSAN *MĀRISTĀN*

Orang-orang Kristian asalnya membina bangunan *māristān* bersambung dengan gereja. Ini memberikan gambaran tentang peranan paderi atau *saint*, iaitu untuk mendoakan pesakit dan memberikan sokongan kepada pihak insitusi ini.¹⁴¹

Konsep dan peranan *māristān* ini telah wujud dalam tamadun Islam sejak di zaman Rasulullah S.A.W. Perkarangan masjid sentiasa menjadi tempat untuk didirikan khemah untuk merawat mereka yang cedera dalam perperangan. Antara mereka yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan ketika itu ialah seorang wanita yang dikenali sebagai Rufaidah al-Aslamiyyah.¹⁴²

Para khalifah, sultan dan amir di zaman kerajaan Umayyah (41 H / 661 M-132 H / 750 M) dan ^cAbbasiyah (132 H / 750 M-565 H / 1258 M) telah memainkan peranan yang penting dalam mengasaskan *māristān* dan menggerakkan fungsinya. Mereka telah memerintahkan supaya diletakkan di masjid-masjid simpanan-simpanan ubat (dari jenis pil dan cecair) dengan menentukan tabib-tabib untuk merawati kes-kes kecemasan yang terjadi kepada jemaah yang datang sembahyang. Mereka telah merawat orang-orang sakit tanpa membezakan dari segi agama atau mazhab dan memberikan layanan yang baik serta menyediakan makan, minum dan rawatan percuma.¹⁴³

¹⁴¹ *Ibid* , h. 259 .

¹⁴² Beliau ialah Rufaidah binti Sa'ad yang disebut oleh ahli sejarah sebagai tokoh jururawat Muslim yang telah jauh mendahului Florence Nightingale.

¹⁴³ *Ibid* , h. 130 .

Para pemerintah juga telah melantik mereka yang berkelayakan untuk menguruskan *māristān*. Biasanya mereka terdiri daripada para doktor atau ahli perubatan. Misalnya, kuasa untuk mengawal *Māristān al-Rayyi* diserahkan kepada Muhammad bin Zakaria al-Rāzi (meninggal 311 H / 923 M)¹⁴⁴ seorang tabib yang paling mahsyur pada zamannya.¹⁴⁵

Pemerintah juga bertanggungjawab menyediakan peruntukan untuk keperluan *māristān*. Biasanya sumber diperolehi melalui *Bait al Mäl* terutama dari bahagian harta wakaf. Walau bagaimana pun Yahya ibn Khalid Barmaki, iaitu menteri kepada Khalifah Harun al-Rashid 170-193 H (786-809 M) telah membina sebuah *māristān* yang sama seperti di Baghdad dengan biayanya sendiri.¹⁴⁶

2.7 SISTEM WAKAF.

Waqf, atau majmuknya *awqaf* [atau *habs*, majmuknya *ahbas* di Afrika Utara; istilah umumnya *habbus*], maksud harafiahnya ialah “menahan” atau “memberhenti”. Dalam syariat Islam , perkataan ini merupakan istilah teknikal yang bermaksud “suatu bantuan yang diberikan oleh orang salih dan dermawan, bagi menolong orang yang memerlukan . Wakaf sama ada dalam bentuk wang atau harta yang tahan lama diibaratkan sebagai satu perjanjian

¹⁴⁴ Al-Razi telah meletakkan syarat-syarat yang perlu bagi seorang tabib untuk merawat pesakit dan mendapat kepercayaan pesakit. Antaranya hendaklah mempunyai pembawaan yang baik, tidak suka menghabiskan masa di panggung-panggung wayang , tidak minum minuman keras atau mementingkan hawa nafsu, menamatkan pengajian perubatan dengan jayanya dan mendapat perakuan dari tabib-tabib yang mahir, telah membaca buku-buku terkenal didalam bidang perubatan dan telah mempunyai pengalaman melalui pemerhatian di *māristān*.

¹⁴⁵ Hassan Ibrahim Hassan, *op.cit.*, siri kelima, h.167.

¹⁴⁶ al-Surty, *op.cit.*, h.58.

antara waqif [orang yang hendak mewakafkan hartanya] pada satu pihak dan Allah S.W.T. pada satu pihak yang lain. Seorang hakim yang berkelayakan [qadi] akan menandatangani perjanjian ini bagi pihak Allah S.W.T.- walaupun sebenarnya perjanjian wakaf ini tidak perlu dituliskan, memadai dengan hanya diumumkan kepada orang ramai.¹⁴⁷ Klinik umum dan juga kebanyakan *māristān* pada zaman Islam ditubuhkan dan terus dibiayai oleh yayasan khairat wakaf. Melalui sistem wakaf juga telah dibina masjid-masjid, madrasah-madrasah, taliair, khutub khanah, tanah-tanah perkuburan dan pertubuhan amal untuk orang-orang miskin.¹⁴⁸

Māristān tersebut masing-masing mempunyai harta wakaf sendiri untuk membiayai para doktor yang bertugas memberikan pengajaran. Juga untuk membiayai segala keperluan *māristān*. Termasuk membina bangunan, melengkapkan segala kemudahan serta membayar gaji para pekerja am dan doktor. Dengan adanya sumber pembiayaan melalui wakaf inilah pihak pengurusan *māristān* dalam tamadun Islam mampu memberikan perkhidmatan percuma kepada orang ramai sekalipun perkhidmatan para doktor dibayar dengan bayaran yang berpatutan.¹⁴⁹ Bahagian harta wakaf ini terletak di bawah kelolaan seorang nazir yang biasanya disandang oleh para pembesar negara atau kadang-kadang oleh para khalifah atau raja-raja sendiri. Pentadbiran harta wakaf ini dikawal dengan rapi.

¹⁴⁷ Fazlur Rahman (1992), Kesihatan dan Perubatan Dalam Tradisi Islam, Perubahan Identiti, terj: Wan Mohd. Nor Wan Daud dan Shahruh Amar Abdullah,Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h. 97).

¹⁴⁸ Dr. Ismail Saad, *op.cit.*, h. 109.

¹⁴⁹ Islamic Medical , <http://www.nlm.nih.gov/exhibition/islamic-medical/islamic-12html>
7 November 2000.

Hal ini dapat dilihat umpamanya terhadap satu kes yang berlaku pada zaman Sinan Ibn Thabit Ibn Qurrah, pengarah *Māristān al-‘Adudi* di Baghdad, iaitu ketika beliau mendapat bahawa nazir yang mengelolakan harta wakaf tidak menjalankan tugasnya dengan saksama. Beliau segera menulis kepada menteri Ali Ibn ‘Isa dengan mengemukakan aduannya bahawa para pesakit terpaksa mengalami kekurangan arang (sebagai bahan bakar), selimut dan keperluan-keperluan lain. Menteri tersebut segera menulis kepada nazir berkenaan supaya mengambil tindakan serta merta untuk kepentingan *māristān*. Para pesakit segera memperolehi bahan bakar dan keperluan-keperluan lain seperti selimut, pakaian tebal, makanan serta bekalan ubat yang mencukupi.¹⁵⁰

Sistem wakaf mencerminkan suatu sifat ketinggian dan keistimewaan Islam iaitu kecenderungannya mementingkan amalan pendermaan dan kebajikan di kalangan umatnya. Cara ini begitu popular sekali memandangkan orang-orang yang berada sentiasa bermurah hati memberikan sumbangan wakaf mereka.

Jurang perbezaan antara *māristān* ini dengan hospital yang didirikan oleh pertubuhan Kristian dalam zaman pertengahan, terutama di Eropah memang nyata sekali sekiranya dibandingkan dengan sejarah sistem jagaan kesihatan profesional dan pendidikan yang ada dalam tamadun Islam pada masa itu. Dalam agama Kristian Latin, seperti juga agama Yunani Orthodox, hospital merupakan institusi keagamaan yang berpadu rapat dengan gereja dan monastri. Para pesakit yang layak dimasukkan ke hospital biasanya alim ulamanya sahaja. Dalam tamadun Islam, *māristān* tetap merupakan tempat mencerahkan amal bakti

¹⁵⁰ Ahmad Taha, *op.cit.*, h. 47.

terhadap mereka yang memerlukan bantuan sebagai salah satu amalan ibadah kepada Allah S.W.T. Sesiapa sahaja berhak mendapatkan perkhidmatan sekiranya mereka memerlukan. Layanan yang baik diberikan tanpa mengira pangkat, kedudukan, warna kulit, bangsa, agama dan sebagainya.

2.8 KONSEP FIZIKAL DAN SENIBINA *MĀRISTĀN*

Dalam tamadun Islam, *māristān* lazimnya adalah sebahagian daripada madrasah dan masjid di mana para tabib umumnya adalah terdiri daripada para ulamak itu sendiri. Malahan Saidina Umar al-Khattab sendiri mewajibkan para ulamak untuk mempelajari ilmu perubatan berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam ayat 195, surah al-Baqarah, maksudnya:¹⁵¹

وَانْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تَنْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ¹⁵²
• الْمُحْسِنِينَ

“ Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha) dan perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya”.¹⁵³

Masjid sebagai pusat ibadah dengan sendirinya membawa diri pesakit taqarrub kepada Allah. Sepanjang pemerintahan kerajaan Islam, kompleks yang dikenali sebagai *kulliyāt* akan terdapat *māristān* di dalamnya berserta masjid dan

¹⁵¹ Mohd . Amin Hashim , *Konsep Fizikal dan Senibina Hospital Islam* , dalam *Konsep dan Operasi Perubatan Islam* , (penyunting : Abu Bakar Yang & Abu Bakar Abd. Majeed) , Kuala Lumpur : IKIM , 1999 , hal. 131.

¹⁵² Al-Quran, , surah al-Baqarah , 2 : 195

¹⁵³ Abdullah Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* , h.60 .

madrasah. Oleh itu ia menjadi tempat tujuan serta menjadi arah tunjuk di sesuatu tempat.¹⁵⁴

Māristān yang terdapat dalam tamadun Islam telah didirikan dengan reka bentuk senibina yang hebat dan menarik. *Māristān* tersebut terdiri daripada dua sayap bangunan, satu untuk pesakit lelaki dan satu lagi untuk pesakit perempuan. Tiap-tiap sayap bangunan itu pula mempunyai dewan-dewan rawatan rawatan tersendiri mengikut jenis-jenis penyakit tertentu. Terdapat juga dewan-dewan pembedahan. Lantai-lantai bangunan ditutup dengan ranting-ranting kayu yang berbau wangi. Pada musim sejuk ruang-ruang *māristān* dipanaskan dengan wap pembakaran (daripada kayu arang) dan pada musim panas pula udara disejukkan dengan kipas-kipas yang besar.¹⁵⁵

Di setiap *māristān* terdapat sebuah farmasi yang dikendalikan oleh ahli-ahli farmasi yang terlatih dan diketuai oleh seorang pakar farmasi. Di situ ditempatkan berbagai jenis ubat-ubatan.¹⁵⁶

Perpustakaan yang mengandungi manuskrip-manuskrip Abqarat, Jalinus dan karya-karya para doktor muslim sendiri juga terdapat di *māristān* yang didirikan. Tiap-tiap *māristān* dilengkapkan dengan bilik mandi dan air panas dan disambungkan dengan masjid. Manakala di perkarangannya pula ditanam pohon-pohon yang indah dan harum baunya.¹⁵⁷

¹⁵⁴ *Op. cit*, h.133.

¹⁵⁵ Ahmad Taha, *op.cit.*, h.44.

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 45.

¹⁵⁷ *Ibid.*

Secara umum, bangunan pusat perubatan atau *māristān* memiliki seni bina dan tata letak yang spesifik. Seni bina dan tata letak ini disusun dan ditetapkan sedemikian rupa dengan mengambil kira keberkesanannya dan efisiensi operasi *māristān*; seperti bagaimana menempatkan klinik umum, klinik penyakit dalam, klinik perbidanan dan lain-lain klinik; juga menempatkan makmal perubatan, bilik radiologi, farmasi atau bagaimana mengatur posisi ruang-ruang perawatan, unit rawatan intensif (ICU), unit rawatan intensif jantung (ICCU) kecemasan dan lain-lain sehingga memudahkan pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan.¹⁵⁸

Dapat dirumuskan komponen di dalam pembangunan Hospital Islam (*Mustasyfā al-Islāmi*) sepertimana yang pernah wujud dalam tamadun Islam di zaman Kerajaan Umayyah dan ‘Abbasiyyah dalam konsep *māristān* hendaklah mengekalkan perkara-perkara berikut :

1. *Musollā* : Tempat Sembahyang
2. *Madrasah* : Pusat Pendidikan dan Latihan
3. *Mustasyfā* : Pusat Rawatan
4. *Riwāq* : Tempat Tinggal¹⁵⁹

Tata atur *māristān*, *mustasyfā*, hospital atau pusat rawatan ini terbit dari perkara yang dituntut terhadap manusia itu sendiri sebagai hamba dalam kewajipannya melaksanakan ‘ubudiyah terhadap Allah S.W.T. Susun atur bilik mestilah berpaksikan arah kiblat bagi memudahkan ibadat solat disempurnakan.

¹⁵⁸ H.A. Sanoesi T , *op. cit.* h.41.

¹⁵⁹ *Ibid*

Ruang untuk peralatan *tayammum* dan *wudhu'* hendaklah disediakan. Tata atur bilik *wudhu'* hendaklah disusun dengan sempurna bagi memudahkan para pesakit menggunakaninya. Pertalian ruang mestilah jelas dan ketara pemisahannya secara fizikal, tetapi tidak mengganggu fungsi utama kegunaan ruang tersebut. Dengan itu keselesaan pesakit akan lebih terjamin dengan mutu perkhidmatan yang baik di samping keadaan pesakit sentiasa dalam pengawasan.¹⁶⁰

2.9 MĀRISTĀN / HOSPITAL ISLAM DI ZAMAN MODEN

Di zaman moden ini, perkataan *māristān* amat jarang didengari, malah boleh dikatakan sudah tidak digunakan lagi. Ia digantikan dengan perkataan *hospital* atau di dalam bahasa Arab disebut *al-Mustasyfā*. Konsep hospital yang digunakan oleh orang-orang Eropah kini adalah hampir sama seperti konsep *māristān* yang ada dalam tamadun Islam. Berbeza dengan konsep awalnya di mana hospital hanyalah merupakan rumah-rumah perlindungan untuk mereka yang kurang upaya dan tempatnya biasanya adalah di gereja.¹⁶¹

Konsep Hospital Islam kini pada dasarnya adalah sama dengan rumah sakit umum lainnya baik milik pemerintah atau swasta, iaitu institusi penjagaan kesihatan yang berfungsi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat, pendidikan dan pusat penyelidikan.¹⁶² Pada umumnya ada beberapa perkara yang membezakan hospital Islam dengan hospital-hospital lain.

¹⁶⁰ *Ibid*, h. 134.

¹⁶¹ *Lexicon Universal Encyclopedia*, vol. 10, h. 256.

¹⁶² *Ibid*.

Antaranya adalah misi, visi, pentadbiran, citra dan tata nilai yang ditanamkan di hospital Islam.¹⁶³ Ini dapat dilihat sebagai berikut :

(a) **Misi.**

Misi dimaksudkan sebagai cerminan dan dasar motivasi dan niat yang harus ditegakkan ketika mendirikan hospital. Sesuai dengan ajaran Islam bahawa semua yang kita kerjakan hanyalah didasarkan pada tuntutan Allah semata-mata dan hanya mengharap keredhaan Allah dan sebagai usaha merealisasikan ibadah.¹⁶⁴ Juga menyediakan perkhidmatan ikhlas kerana Allah bagi membantu mereka yang memerlukan dengan menyediakan sistem dan etika yang menepati tuntutan syarak.

(b) **Moto**

Ihsan dalam penjagaan pesakit hendaklah dijadikan sebagai matlamat dasar di dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Ini bererti berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, mencakupi kualiti layanan, keperihatinan, ketelitian, keprofesionalan dan kesempurnaan serta sesuai dengan ajaran Islam.

¹⁶³ H.A. Sanoesi T (1999) , Perkhidmatan Perubatan – Satu Perspektif Islam , *dalam Konsep & Operasi Perubatan Islam* (Penyunting : Abu Bakar Abdul Majeed dan Abu Bakar Yang) , Kuala Lumpur : IKIM , h.23.

¹⁶⁴ *Ibid.*, h.24.

(c) **Visi**

Visi hospital hendaklah berdasarkan perspektif ajaran Islam secara global dan ubudiyyah yang mampu menjangkau jauh ke depan, baik dari segi perkhidmatan atau layanan.¹⁶⁵

2.10 KESIMPULAN

Tamadun Islam telah memperkenalkan suatu sistem yang amat berkesan sekali sehingga ciri-cirinya hidup dalam bentuk sistem pendidikan dan pembelajaran ilmiah moden. Walaupun institusi klinik dan hospital yang menjalankan perkhidmatan sepadu antara rawatan dan pendidikan perubatan pada asalnya merupakan suatu ciptaan peradaban pihak bukan Islam, institusi-institusi tersebut telah mencapai tahapnya yang sempurna dalam tamadun Islam pada zaman sebelum wujudnya era Renaissance.

Sejak wujudnya pada abad pertama sejarah Islam, *māristān* atau hospital ini telah luas berkembang dan muncul di seluruh empayar Islam. Institusi ini dibiayai oleh wakaf dan ini bukan sahaja mencerminkan sifat-sifat keperimanusiaan Islam akan tetapi juga mempertegaskan prinsip yang dititikberatkan oleh Islam dalam kehidupan di alam fana ini iaitu konsep ‘ubudiyyah terhadap Allah s.w.t. serta juga mengasaskan pertalian rapat di antara teori dan amalan dalam konteks budaya perubatan Islam.

¹⁶⁵ *Ibid.*

Māristān, terutama di zaman Kerajaan Umayyah dan Kerajaan Abbasiyyah telah berkembang peranannya menjadi bukan hanya sebagai pusat-pusat rawatan untuk pesakit tetapi juga menjadi pusat penyelidikan serta perkembangan berbagai bidang ilmu perubatan.

Dari segi asal-usul serta peranan dan fungsinya, *māristān* ini jauh berbeza dari hospital yang terdapat di Eropah dan Empayar Byzantin pada kurun-kurun pertengahan. Dari sejak abad ke-4 M. pertubuhan Kristian telah menubuhkan beberapa yayasan untuk membantu umat-umatnya yang miskin atau sakit, tetapi institusi-institusi kebajikan ini hanya merupakan tempat penginapan bagi mereka yang tidak berkemampuan dan sakit sahaja. Pusat lengkap bagi tujuan tersebut mula-mula sekali diasaskan oleh St. Basil di Caesarea pada penggal kedua abad ke 4 M. Berikutnya hospital-hospital seperti ini (Xenodocheia ataupun Xenones) mula muncul di seluruh Empayar Rom Timur yang fungsinya mula berubah kepada peranan khusus menjaga pesakit-pesakit yang lanjut umur (gerocrineia), anak-anak yatim (orphanotropeia) ataupun berperanan sebagai hostel atau asrama.¹⁶⁶

¹⁶⁶ Constantelos, D.J., *Byzantine Philosophy And Social Welfare*, New Jersey: Rutgers Univ. Press, 1968. Hal. 153.